

Pengenalan Kitab Jaami' Atau Sunan At-Tirmizi

Kitab yang telah melonjakkan Imam Tirmizi ke puncak kemasyhuran ialah kitab hadits susunan beliau yang dikenali dengan beberapa nama. (1) Jaami' at-Tirmizi. (2) Sunan at-Tirmizi. (3) Al-Jaami' al-Kabir. (4) Al-Jaami' as-Sahih. (5) Sahih at-Tirmizi. Antara lima nama ini nama yang pertamalah yang paling popular dan paling tepat untuknya. Nama kedua iaitu Sunan at-Tirmizi sering juga diguna para 'ulama'. Ia diterima mereka berdasarkan penggunaan qaedah إطلاق الجزء وإرادة الكل. Kewajaran kitab itu dinamakan dengan Sunan ialah kerana ia dimulakan dengan perbahasan-perbahasan fiqh dan sebahagian besar kandungannya menyerupai susunan kitab Feqah. Namun ia tidaklah setepat nama pertama tadi. Justeru kitab jaami' bererti kitab hadits yang menghimpunkan lapan topik utama kandungan hadits-hadits Rasulullah s.a.w, iaitu Sirah, Adab, Tafsir, Aqidah, Fitan, Ahkam, Asyratus Sa'ah (tanda-tanda kiamat) dan Manaqib (kelebihan dan keutamaan para nabi dan para sahabat).⁸ Dilihat dari sudut ini nama Jaami' adalah nama yang paling tepat untuk kitab Tirmizi itu. Kata as-Suyuthi, Al-Hakim menggunakan nama Al-Jaami' as-Sahih untuk Sunan Tirmizi dan Khatib al-Baghdadi pula menggunakan nama Sahih untuk Sunan Nasaa'i dan Sunan Tirmizi. Ini adalah termasuk dalam sikap bermudah-mudah atau sikap terlalu bertolak ansur mereka sahaja. (*Lihat Tadrib ar-Raawi, j.1 m/s 165*). Maksud as-Suyuthi ialah tidak tepat perkataan Sahih digunakan untuk kedua-dua kitab Nasaa'i dan Tirmizi itu, kerana hadits-hadits dha'if dan maudhu' juga terdapat di dalamnya. Nama Al-Jaami' al-Kabir paling kurang digunakan untuk kitab Tirmizi ini. Ia ada disebut oleh al-Kattaani (Abu 'Abdillah Muhammad bin Ja'far al-Kattaani al-Idrisi m.1345H) di dalam ar-Risalah al-Mustathrafahnya. (*Lihat ar-Risalah al-Mustathrafah j.1 m/s 11*). Akan tetapi jika diingat Imam Tirmizi sendiri menamakan kitabnya al-Musnad as-Sahih, maka boleh dikatakan benar jugalah orang yang menamakan kitab itu dengan Sahih at-Tirmizi. Ibnu Katsir menukilkan kata-kata Ibnu Nuqthah (Abu Bakr Muhammad bin 'Abd al-Ghani bin Abi Bakr al-Hambali m.629H) di dalam at-Taqyidnya bahawa Imam Tirmizi berkata: صنفت

⁸ Pada hemat penulis, kitab Jaami' itu bukan sekadar mengandungi lapan topik utama yang dikemukakan di atas itu sahaja. Ia bahkan mengandungi juga topik-topik lain yang tidak kurang pentingnya daripada topik-topik tersebut itu. Seperti Kitab at-Thib, Kitab al-Imarah dan lain-lain lagi.

هذا المسند الصحيح وعرضته على علماء الحجاز فرضوا به وعرضته على علماء العراق فرضوا به وعرضته
 Maksudnya: "Saya karang kitab al-Musnad as-Sahih ini dan saya kemukakannya kepada `ulama`-`ulama` Hijaz, mereka berpuas hati dengannya. Saya kemukakannya kepada `ulama`-`ulama` `Iraq, mereka berpuas hati dengannya. Saya kemukakannya kepada `ulama`-`ulama` Khurasan, mereka juga berpuas hati dengannya. Orang yang di rumahnya ada kitab ini, seolah-olah ada nabi yang bercakap di dalam rumahnya." (*Ibnu Katsir- al-Bidayah wa an-Nihayah j.11 m/s 77*). Kata-kata Tirmizi ini dikemukakan juga oleh Ibnu al-Atsir al-Jazari (m.606H) di dalam *Jaami` al-Ushulnya* (j.1 m/s 194), dan Ibnu al-Mulaqqin (m.804H) di dalam *al-Badru al-Munirnya* (j.1 m/s 303). Cuma perlulah diingat bahawa kata-kata Tirmizi ini tidaklah bermakna semua hadits di dalamnya sah, kerana ada antara haditsnya yang dipertikaikan oleh `ulama` hadits dari sudut kesahihannya. Beliau sendiri juga menghukum sebahagian hadits yang terdapat di dalam kitabnya itu sebagai dha`if. Bagaimanapun kebanyakan hadits di dalamnya adalah sah. Oleh sebab itulah ia dikategorikan sebagai salah sebuah Sihah Sittah (enam kitab hadits sah). Jadi apa yang dimaksudkan oleh beliau dengan sah itu ialah berdasarkan kebanyakan hadits di dalamnya (secara taghlib).

Kelebihan Dan Keistimewaan Kitab Jaami` Tirmizi

Sebagai salah sebuah kitab yang sangat terkenal di bidang hadits, tentunya Jaami` at-Tirmizi itu mempunyai kelebihan, keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Jadi bukanlah sesuatu yang menghairankan sekiranya alim `ulama` di sepanjang masa mengaguminya. Apa yang telah diketemukan oleh para `ulama` dan pengkaji hadits di celah-celah Jaami` Tirmizi itu boleh anda saksikan di dalam pelbagai kitab syarah-syarah hadits hasil karangan mereka, sama ada dahulu mahupun sekarang. Pujian, penghargaan, pengiktirafan dan sanjungan yang diberikan oleh para `ulama` terhadap kitab Jaami` at-Tirmizi itu lebih kurang sama adanya dengan yang telah mereka berikan terhadap kitab-kitab hadits terkemuka yang lain, seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Daud dan lain-lain.

Kerana keunikan dan keistimewaannya ialah seorang tokoh hadits terkenal, Syeikh Ibrahim al-Baijuri menyarankan kepada setiap pelajar hadits agar mempelajari dan mendalami kitab al-Jaami' as-Sahih karangan Imam Tirmizi. Bagi beliau di dalam kitab ini terkumpul khazanah-khazanah ilmu yang amat banyak, terutamanya di bidang hadits dan fiqh. Selain itu ia juga memuatkan mazhab-mazhab (aliran-aliran fiqh) salaf dan khalaf. Bagi beliau kitab ini sahaja pun sudah memadai dan mencukupi untuk seorang mujtahid dan seorang muqallid (yang hendak bertaqlid). Jaami' Tirmizi menyajikan kepada para penuntut dan pengkaji fiqh pendapat-pendapat mazhab yang pelbagai. Dengan demikian kedua-dua bidang ilmu hadits dan fiqh dapat dikuasai tanpa memerlukan seseorang itu merujuk dan berpandu kepada kitab lain.

Seorang tokoh hadits yang sangat terkenal di benua kecil India, Shah 'Abdul 'Aziz telah menyenaraikan beberapa faktor kenapa kitab ini termasuk di antara kitab hadits terbaik. Bahkan dari beberapa sudut, ia mengatasi kitab-kitab hadits yang lain. Antara faktor yang menjadikan Jaami' Tirmizi sangat istimewa bagi beliau ialah: (1) Susunan di dalam kitab ini sangat elok dan hadits-haditsnya tidak berulang-ulang. (2) Di dalamnya dikemukakan mazahib (pendapat-pendapat) fuqaha' dan mujtahidin di samping dalil-dalil dan sandaran-sandaran mereka. (3) Kedudukan hadits dinyatakan. Setelah mengemukakan sesuatu hadits, Imam Tirmizi menyatakan darjat dan kedudukannya, sama ada ia sahih, hasan, dha'if, gharib, mu'allal dan sebagainya. (4) Nama-nama perawi disebut dengan laqab (nama gelaran) ataupun kunyahnya (nama panggilan) sekali. Tujuannya ialah supaya setiap perawi hadits itu dapat dikenal pasti identitinya. Ini kerana seringkali didapati beberapa orang perawi mempunyai nama yang sama. Dengan menyebutkan *kunyah* (nama panggilan) dan *laqab* (nama gelaran) masing-masinglah, mereka dapat dibezakan. (5) Melalui kitab ini keupayaan dan kedudukan perawi-perawi dapat dikenal pasti, sama ada ia boleh dipercayai atau tidak. Kelebihan dan kekurangan mereka juga dapat diketahui apabila Imam Tirmizi mengemukakan pendapat tokoh-tokoh *Rijaal hadits* yang mengkredit dan mendiskreditkan mereka.

Ibnu as-Shalah, an-Nawawi dan as-Suyuthi berpendapat, Jaami' at-Tirmizi adalah kitab yang amat berfaedah kerana ia merupakan kitab asas untuk mengetahui dan mengenali hadits-hadits hasan. Tirmizilah orang yang mula-mula memperkenalkan hadits

hasan dengan ma'na yang berbeza daripada yang pernah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh hadits yang lain. (*Lihat as-Suyuthi - Tadrib ar-Raawi j.1 m/s 166, al-Qaasimi - Qawaa'idu at-Tahdits j.1 m/s 56, al-Munaawi - al-Yawaqit Wa ad-Durar j.1 m/s 409*).

Hafiz Muhammad bin Thahir al-Maqdisi mengisahkan bahawa pernah disebut kitab Jaami' at-Tirmizi di hadapan Imam Abu Ismail Abdullah bin Muhammad al-Anshari ketika beliau di Hirat. Kata beliau, bagi saya Jaami' Tirmizi lebih berguna daripada Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Kerana kitab Sahih Bukhari dan Sahih Muslim itu hanya dapat difahami dan diambil manfa'at daripadanya oleh orang yang betul-betul 'alim. Sedangkan kitab Abu 'Isa (Jaami' Tirmizi) itu pula mampu difahami dan dicapai ilmunya oleh semua lapisan masyarakat. (*Lihat Maulana Dr. Taqiyuddin Nadwi - Muhadditsin Izaam m/s 219*).

Tujuan Kitab Jaami' At-Tirmizi Ditulis

Boleh dikatakan setiap pengarang kitab hadits mempunyai maksud dan tujuan tersendiri bilamana mereka membuat keputusan menghasilkan sesebuah karya. Begitulah juga dengan Imam Tirmizi. Beliau juga tidak terkecuali mempunyai motif dan sebab yang mendorongnya mengarang kitab ini. Untuk menghasilkan sesebuah karya yang cukup istimewa, karya itu perlulah ada kelainan. Ia semestinya unik dan tidak berkumpul dalam suatu lingkaran yang sama. Malah jika keunikan dan keistimewaan itu belum pernah diketahui dihasilkan sepanjang sejarah atau tidak pernah diketengahkan oleh sesiapa pun sebelumnya, maka ia akan menjadi tinggalan dan warisan yang amat bernilai. Manfa'atnya pula cukup besar di kemudian hari.

Kitab Jaami' Tirmizi yang dipersembahkan oleh Imam Tirmizi ini selain mengumpulkan hadits-hadits yang berbagai-bagai taraf dan kedudukannya, ia juga memainkan peranan utama dalam menerangkan mazhab-mazhab 'ulama' mujtahidin yang terdapat pada ketika itu. Komitmen Imam Tirmizi ini jelas kelihatan di dalam kitabnya, apabila setiap pendapat 'ulama' mazhab tertentu dalam sesuatu masalah atau hukum dirangkaikan bersama hadits yang menjadi asas dan dalil kepada pendapat tersebut.

Dalam hal ini Imam Tirmizi ada metodenya yang tersendiri. Beliau telah memilih jalan tengah di antara kaedah penulisan Imam Bukhari dan Imam Muslim. 'Ulama'-ulama' serta para pengkaji hadits melalui pengamatan dan pengalaman telah membuat sebuah kesimpulan bahawa tidak mungkin bagi seseorang itu memahami apa yang dikehendaki Imam Bukhari tanpa terlebih dahulu bertungkus-lumus mempelajari dan mengerti metodologi penulisan. Antara matlamat utama Imam Muslim menulis Kitab Sahihnya pula ialah untuk memberitahu bahawa hadits-hadits sahih yang menjadi pegangan umat Islam itu banyak *thuruqnya*. Secara tidak langsung kitab beliau itu menjadi terlalu terperinci, kerana setiap *turuq* hadits tersebut akan dikemukakan oleh beliau.

Walaupun Imam Abu Daud juga menghasilkan kitab yang menekankan sudut dalil bagi fuqaha', namun setakat itu sajalah persamaannya dengan kitab Imam Tirmizi. Tidak disebut di dalam kitab Sunan Abi Daud nama-nama fuqaha' yang terlibat dalam sesuatu topik yang diperbincangkan. Sama ada dari kalangan sahabat, tabi'in atau imam-imam mujtahidin lainnya. Tetapi tidak demikian halnya dengan Jaami' Tirmizi. Keseluruhan nama-nama dan individu-individu yang berkaitan telah disertakan bersama oleh Imam Tirmizi. Dengan itu kitab Jaami' at-Tirmizi telah muncul sebagai salah satu sumber rujukan dan kitab penyelidikan terpenting bagi umat Islam.

Antara tujuan Imam Tirmizi mengarang kitab Jaami'nya ialah mengumpul *turuq* (saluran-saluran) riwayat yang banyak dengan cara yang paling ringkas. Dengan melakukan demikian Imam Tirmizi telah meninggalkan suatu kaedah yang cukup bernilai dalam mengenal pasti hadits-hadits yang mempunyai intisari yang sama, tetapi diriwayatkan oleh perawi yang berlainan. Tujuan Imam Tirmizi hampir sama dengan tujuan Imam Muslim dalam hal ini, akan tetapi caranya berbeza sekali. Pada ketika Imam Muslim bertungkus-lumus mengemukakan sesuatu hadits dengan perawi-perawinya yang berlainan, menjadikan sesuatu topik perbincangan panjang lebar dan berjela-jela, Imam Tirmizi pula mengemukakan hanya satu hadits dan kemudian menggunakan satu istilah yang mengisyaratkan kepada wujudnya hadits yang sama atau hampir sama ma'nanya, tetapi melalui *tariq* (saluran riwayat) yang berlainan. Istilah yang digunakannya ialah "وفي الباب". Misalnya selepas mengemukakan satu hadits di bawah sesuatu bab yang

diadakan, Imam Tirmizi berkata: “وفي الباب عن أبي سعيد وجابر”. Dengan kata *fil bab* itu beliau sebenarnya mengisyaratkan kepada wujudnya hadits-hadits lain yang juga ada kaitan dengan bab yang sedang dibicarakan. Hadits-hadits itu mungkin boleh ditemui di dalam kitab beliau sendiri atau di dalam kitab-kitab hadits yang lain. Menerusi pendekatan ini keistimewaan khusus yang terdapat di dalam kitab Sahih Muslim juga boleh diperolehi di dalam Jaami` Tirmizi, tetapi dengan cara yang cukup ringkas.

Keistimewaan dan kelebihan yang ada di dalam kitab ini lebih menonjol bilamana Imam Tirmizi menarafkan setiap hadits yang dikemukakanannya. Tidak dapat dinafikan usaha ini adalah sesuatu yang cukup bermanfa`at kepada para penuntut dan pengkaji hadits. Bukan sekadar itu sahaja, apabila sesuatu hadits itu tidak sahih maka Imam Tirmizi akan menerangkan punca kenapa ia dikatakan tidak sahih. Contohnya Imam Tirmizi akan melabelkan sesuatu hadits dengan *gharib* kerana di dalam sanad hadits itu terdapat seseorang perawi yang dianggap *dha`if* oleh beliau. Kaedah yang diguna pakai oleh Imam Tirmizi ini secara tidak langsung melatih dan membiasakan mereka yang baru menceburkan diri di lapangan pengajian hadits dengan taraf dan kedudukan seseorang perawi.

Antara ciri khusus yang menjadikan kitab ini lebih istimewa ialah adanya pendedahan oleh Imam Tirmizi tentang mazahib fuqaha` dari kalangan sahabat, tabi`in dan tab`i at-
tabi`in. Lebih dari itu, mazhab-mazhab `ulama` di negeri-negeri tertentu bahkan di kawasan-kawasan tertentu juga ada disenaraikan. Faedah yang diperolehi daripada pendedahan seperti itu ialah kita dapat mengenal pasti dan mengetahui apakah perbezaan asasi di antara satu mazhab dengan satu mazhab yang lain. Di samping dapat juga mengetahui perkembangan fiqh di sudut sejarahnya.

Tidak terhenti setakat itu sahaja, Imam Tirmizi pergi lebih jauh lagi, di mana beliau menyenaraikan dan memperkenalkan kepada kita mazhab-mazhab yang tidak lagi diamalkan oleh umat Islam masa kini. Sebagai contohnya, mazhab Imam al-Auzaa`i, Sufyan as-Tsauri, Ishaq bin Ibrahim al-Marwazi dan lain-lain. Pemerincian sebegini amat sukar ditemui di dalam kitab-kitab lain. Ia jelas merupakan pesaka Imam Tirmizi yang sangat besar dan sangat berma`na kepada umat Islam. Dengan segala keistimewaan yang

terbuku di dalam kitab Jaami' at-Tirmizi itu tidak syak lagi ia merupakan salah sebuah karya terbaik pernah dihasilkan dalam sejarah penulisan kitab umat Islam.

Mazhab Imam Tirmizi

Imam-imam besar seperti Imam Tirmizi, Bukhari, Muslim dan lain-lain mempunyai pengaruh yang sangat besar dan mereka dihormati seantero dunia Islam. Faktor inilah yang mendorong sesebuah kumpulan atau sesuatu golongan berpuas hati dan berbangga jika tokoh-tokoh besar seperti itu dikaitkan dengan kumpulan mereka. Fenomena sebegini selalunya berlaku kepada mereka yang terlalu mengikat diri dengan pengamalan mazhab. Pengaruh dan gah yang dimiliki tokoh-tokoh besar hadits itu sangat didambakan, kerana ia merupakan sandaran yang kukuh untuk menguatkan hujjah dan pegangan mazhab masing-masing. Apatah lagi kepada 'ulama'-'ulama' yang terlalu fanatik dengan mazhab yang dianuti mereka. Mereka tidak dapat menerima dan langsung tidak dapat membayangkan bahawa imam-imam besar itu tiada pegangan mazhab yang khusus. Contohnya pengikut-pengikut mazhab Syafi'e akan menda'wa bahawa Imam Tirmizi juga mempunyai pegangan mazhab yang sama dengan mereka. Jadi tidaklah pelik jikalau ada antara nama-nama besar itu terselit dalam senarai tokoh-tokoh kenamaan dan individu-individu terkemuka mazhab tersebut. Semuanya ini berlaku tidak kerana lain melainkan untuk menguatkan nama dan pengaruh mazhab masing-masing sahaja. Situasi dan senario yang sama juga menyelubungi Imam Bukhari, di mana masing-masing pengikut mazhab tidak mahu melepaskan peluang untuk mengaitkan beliau dengan mazhab dan pegangan mereka.

Da'waan yang mengaitkan Imam Tirmizi dengan mazhab Syafi'e bukanlah langsung tidak berasas. Tidak kurang 'ulama' dan cerdik pandai yang berpendapat demikian. Punca utama yang mencetuskan pandangan seperti itu ialah kerana beliau kelihatan lebih banyak menyokong dan mentarjihkan pendapat-pendapat yang kebetulannya bertepatan dengan mazhab Syafi'e. Walaupun demikian halnya, tidaklah patut seseorang itu cepat membuat kesimpulan yang sembarangan. Ini kerana di sa'at beliau memberi pendapat yang bersesuaian dengan mazhab Syafi'e, di sana juga terdapat banyak percanggahan di